

**TEKS UCAPAN ALUAN**

**KETUA PUSTAKAWAN**

**25 November 2015**

**SEMPENA**

**SEMINAR KEPUSTAKAWANAN 2015:**

**MEMPERKASAKAN PERPUSTAKAAN MELALUI INISIATIF  
BERASASKAN KEBERHASILAN**

**PADA 25-26 NOVEMBER 2015**

**HOTEL RIVERSIDE MAJESTIC, KUCHING**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa,

Yang Berbahagia, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi  
Naib Canselor UNIMAS

Yang Berbahagia, Tn Hj Abu Bakar Ibrahim, Pendaftar UNIMAS

Yang Berbahagia Dr Nor Edzan Hj Che Nasir, Ketua Pustakawan Universiti  
Malaya, Merangkap Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia

Yang Berbahagia En. Harun Maksum, Pengarah Pusat Khidmat Teknologi  
Maklumat & Komunikasi UNIMAS

Ketua-Ketua Pustakawan Universiti Awam, Pengarah IPT Swasta, Perpustakaan  
Awam dan Khusus seluruh Malaysia dan Indonesia

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Bahagian  
Para Pembentang Kertas Kerja,  
Pustakawan/Pengurus Maklumat  
Rakan-Rakan Media  
Serta sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan mengalu-alukan kehadiran para hadirin ke Majlis Perasmian Seminar Kepustakawan 2015 pagi ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Berbahagia, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi, Naib Canselor UNIMAS di atas kesudian untuk hadir merasmikan Seminar Kepustakawan dan seterusnya menyampaikan Ucaptama. Syukur kerana sekali lagi kita dapat bersama-sama berkumpul untuk berkongsi idea, ilmu pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik perpustakaan dalam Seminar Kepustakawan 2015 ini.

Tema yang dipilih untuk Seminar Kepustakawan 2015 iaitu, “ Memperkasakan Perpustakaan Melalui Inisiatif Berasaskan Keberhasilan “ menyentuh keseluruhan peranan Perpustakaan dalam aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan serta khidmat masyarakat. Inisiatif-inisiatif berasaskan keberhasilan adalah relevan kepada masyarakat, memberi hasil yang boleh kita tunjukkan nilainya serta keberkesanannya kos kerana pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut disesuaikan dengan keperluan. Justeru itu, ianya berupaya mencetus impak yang besar terhadap masyarakat dan negara .

Pelan-pelan pembangunan negara bagi memperkasa dan mensejahterakan masyarakat seperti yang terkandung dalam pelan pembangunan yang terbaru iaitu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pengajian Tinggi, membuka ruang dan peluang kepada para Pustakawan tidak kira daripada Perpustakaan Awam, Universiti Awam, IPTS atau Perpustakaan Khusus untuk merancang dan melaksanakan program-program yang memberi impak kepada pengguna dan masyarakat. Para Pustakawan harus mengambilkira persekitaran dunia maklumat masakini, pengaruh teknologi ke atas penyebaran maklumat, komunikasi kesarjanaan, model-model baharu penerbitan, pengwujudan serta penggunaan pelbagai gajet dan media sosial oleh generasi sekarang, proses pembelajaran, tabiat pencarian maklumat pengguna yang berubah-ubah, dan sebagainya . Semua ini memerlukan para pustakawan untuk terus berpandangan jauh dan kreatif bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang boleh menampakkan hasil atau impak kepada pengguna dan masyarakat.

Peranan perpustakaan dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi memberi impak kepada masyarakat dan negara. Justeru itu, perpustakaan bertanggungjawab melaksanakan inisiatif-inisiatif berasaskan keberhasilan (*outcome based*) bagi memenuhi hasrat negara ke arah masyarakat berilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat.

Seminar ini merupakan sebahagian daripada usaha mewujudkan perkongsian maklumat yang pintar dan lestari dalam kalangan para pustakawan. Di samping itu juga ianya dapat memantapkan kemahiran dan kompetensi diri para pustakawan.

Beberapa objektif Seminar telah digariskan, antaranya ialah:

- Membincang dan memikirkan peranan pustakawan dan pengurus maklumat ke arah anjakan paradigma melalui percambahan idea dan ilmu baru;
- Menggalakkan perkongsian maklumat yang pintar dan lestari di kalangan institusi berkaitan dalam memperkasa perpustakaan/pusat maklumat;
- Menjadi wadah bagi pustakawan dan pengurus maklumat dalam merealisasikan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan khidmat serta sumbangan perpustakaan kepada masyarakat/komuniti.

Sidang hadirin yang dihormati,

Dalam tempoh satu hari setengah ini, para peserta akan disajikan dengan 17 kertas pembentangan yang akan dipersembahkan oleh penceramah-penceramah dalam 4 sesi iaitu, perkhidmatan, sumber, kompetensi & pembangunan modal insan dan prasarana. Pembentang-pembentang datang daripada pelbagai jenis perpustakaan dan organisasi yang terlibat dengan sumber maklumat dan ilmu.

Sebagai profesion yang sentiasa berkembang, di samping ciri-ciri asas yang perlu ada dalam diri seseorang pustakawan yang perlu dipupuk dan dipelihara seperti penghayatan dan kecintaan terhadap ilmu. Mereka juga harus sentiasa cekap, cepat dan tepat dalam memberi maklumat, fakta dan data yang diperlukan pengguna di samping berperanan sebagai pendorong dan pembimbing, fasilitator yang cekap dan efektif dalam pengesanan maklumat terutama dalam penggunaan ICT dan pengemudi maklumat. Mereka juga bertindak sebagai pengurus dan perancang yang strategis, peka dengan persekitaran, terutamanya keperluan pengguna. Sentiasa

proaktif, inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan. sentiasa mendekati masyarakat dan bertindak sebagai pemangkin perubahan masyarakat setempat dan seluas mungkin.

Adalah menjadi harapan kita para pembentang dan para peserta yang datang daripada pelbagai jenis perpustakaan dan institusi serta negara akan dapat menimba ilmu pengetahuan, berkongsi idea tentang amalan-amalan terbaik yang dibentangkan untuk dilaksanakan apabila kembali ke organisasi masing-masing nanti.

Di kesempatan ini saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengurusan tertinggi UNIMAS, semua Ketua Pustakawan/Pengarah, pembentang kertas kerja, Pengerusi Sesi, Bahagian Pengurusan Korporat & Komunikasi UNIMAS, Bahagian Khidmat Pengurusan Canselori UNIMAS, Pejabat Pendaftar UNIMAS, pembekal-pembekal, pemamir-pemamir, penaja-penaja serta pihak media yang terlibat sama di dalam menjayakan penganjuran Seminar ini. Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada semua ahli JK Seminar yang telah bekerja keras untuk memastikan kejayaan majlis kita pada pagi ini dan seterusnya seminar nanti .

Saya bagi pihak Pusat Khidmat Maklumat Akademik sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berbahagia, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi, Naib Canselor UNIMAS, kerana sudi hadir dan menyempurnakan Majlis Perasmian Seminar Kepustakawan 2015 pada pagi ini.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya dengan berbesar hati ingin menjemput Yang Berbahagia, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi, Naib Canselor

UNIMAS untuk menyampaikan Ucapan Perasmian dan sekaligus menyampaikan Ucaptama Seminar Kepustakawan 2015.

Dengan ini saya mempersilakan Yang Berbahagia, Profesor Dato' Naib Canselor.